

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu yang telah dikaji pada umumnya mempunyai keistimewaannya tersendiri. Hasil penelitian terhadap tiga buah buku tatabahasa dalam kajian ini mendapati bahawa keistimewaan sesuatu buku itu terikat kepada objektif penulisan tersebut. Dalam mengupayakan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu, semestinya ciri-ciri yang terbaik di samping pendekatan yang sesuai perlu diteruskan agar memantapkan penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu pada alaf baharu ini.

#### **5.2 PERBANDINGAN PENGUPAYAAN 'TEORI' ATQAKUM DALAM BUKU-BUKU TATABAHASA KAJIAN**

Hasil penelitian mendapati bahawa buku-buku tatabahasa yang dikaji ada mengupayakan 'teori' atqakum, walaupun tidak mengaplikasikan kesebelas konsep-konsep penting dalam Pengajian Melayu.

PBM (1) lebih banyak mengupayakan 'teori' atqakum sesuai dengan sifat buku ini memberi pengajaran (ilmu nahu) kepada masyarakat pengguna bahasa sezaman. Penulisan PBM (1) yang berserta peringatan, undang-undang, dan contoh penggunaan menjadikan PBM (1) bersifat komunikatif dan interaktif kepada pembaca. Pemaparan bahan yang ramai pembaca ini menjadikan PBM (1) boleh juga dijadikan sebagai modul dalam pembelajaran sendiri.

TBD sebagai sebuah buku tatabahasa pegangan dengan nahu bebas-konteks yang meliputi bidang morfologi dan sintaksis tidak mampu melihat korpus dari sudut sehimpunan data. Manakala buku SWY yang menggunakan pendekatan wacana dengan nahu peka-konteks tidak menghuraikan konsep asal usul bahasa kerana buku ini memeri unsur tatabahasa, "yang" berlandaskan korpus naratif Melayu moden. Namun, penulisan buku SWY bersifat komunikatif (Liyubayyina) kerana kajiannya adalah terhadap korpus yang melebihi tahap ayat.

Pada keseluruhannya, buku-buku tatabahasa ini ada mengupayakan 'teori' atqakum dalam penulisannya walaupun belum mencapai tahap yang dimaksudkan, iaitu kepadaan atqakum.

Sebagai contoh ialah konsep asal-usul bahasa (allamahulbayan) yang diupayakan dalam PBM (1) dan TBD, tetapi konsep

tersebut tidak diterapkan sepenuhnya berlandaskan 'teori' atqakum. Konsep 'allamahulbayan boleh diupayakan dengan memberi penekanan bahawa bahasa itu telah ada atau wujud sejak azali, dan potensi manusia untuk berbahasa adalah fitrah manusia. Keupayaan berbahasa ini adalah keistimewaan yang dianugerahkan kepada manusia untuk manusia berinteraksi sesama sendiri dan untuk menghubungkan manusia dan penciptanya. Jika penegasan ini ada diupayakan, barulah 'teori' atqakum mencapai peringkat kepadan atqakum.

Dalam menilai konsep kearbitrarian ('Alama), bahasa itu perlu dilihat sebagai fitrah. Halliday (1985), berpendapat bahawa antara makna dengan kod abstrak '*wording*', ia tidak bersifat arbitrari. Konsep 'allama (mengajarkan) perlu dikaitkan dengan fitrah bahawa kenekaan bahasa itu adalah tanda kemahabesaran Allah S.W.T. supaya antara manusia dapat berkenal dan bersatu padu.

Dalam mengupayakan 'teori' atqakum, bahasa itu perlu dilihat berdasarkan sumber aqli dan naqli. Menurut Zakaria Stapa (2000), akal secara keseluruhan, merangkumi aspek lebih komprehensif (kulliy). Imam Razali misalnya, (lihat Zakaria Stapa, 2000) menyamakan akal atau al-'aqlu dengan beberapa istilah lain seperti an-nafs, al-qalb, dan ar-ruh, yang dibekalkan dalam diri manusia sejak semula jadi lagi.

Dalam surah al-A'raf: 179 yang bermaksud, "mereka mempunyai hati (qulub), tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah).

Oleh sebab itu, akal bersifat komprehensif, kewujudannya menyebabkan manusia mempunyai keupayaan untuk memahami dan menanggapi hakikat segala sesuatu.

Menurut Azahari Ismail (2000), daripada aspek pemilihan bahasa, kita perlu mencontohi pemilihan bahasa Rasulullah S.A.W., iaitu tepat dan padat. Contoh sabda Rasulullah,

"Tidak akan ke syurga orang yang jahil."

Jelas daripada ayat ini bahasa yang digunakan mestilah tepat dan padat. Apabila dibaca dan dihayati, maknanya jelas difahami dan komunikatif (Liyubayyina).

Menurut Awang Sariyan (1998), keperluan terhadap penampilan gagasan linguistik Islam ternyata mendesak lebih-lebih lagi apabila agak ketara pengaruh sekularisme dalam semua disiplin ilmu yang dibawa oleh kebudayaan Barat. Linguistik, misalnya dikaji sebagai disiplin yang bebas daripada pertaliannya dengan aspek keagamaan, dan penelitian terhadap bahasa tidak dihubungkan dengan matlamat mempelajari "tanda-tanda"

kebesaran Pencipta alam semesta sebagaimana yang diisyaratkan dalam Al-Quran (Surah Fussilat, ayat 53). Konsep-konsep dasar yang berkaitan dengan hakikat bahasa tidak diasaskan kepada rujukan agama atau sumber naqli, melainkan diasaskan kepada dapatan empiris daripada kajian deskriptif.

Oleh sebab itu, penting sekali diusahakan perumusan hakikat bahasa menurut perspektif Islam dengan berasaskan sumber-sumber ilmu yang diiktiraf sah dalam tradisi ilmiah Islam. Dalam konteks ini, sumber ilmu yang paling autentik ialah Al-Quran yang merupakan kalam Allah dan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk dijadikan pedoman oleh sekalian manusia. Firman Allah:

"Alif Lam Mim. Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya, maka itu menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa."


(Surah al-Baqarah; ayat 2)

Penggunaan 'teori' atqakum dalam penulisan tatabahasa bahasa Melayu perlu diupayakan. Al-Quran sebagai sumber induk ilmu perlu dijadikan paksi dalam mencari keredhaan Allah S.W.T. Pengupayaan 'teori' atqakum dalam penulisan tatabahasa bahasa Melayu akan mewujudkan keharmonian dalam berkomunikasi sesama manusia.

Bahasa sebagai anugerah Allah S.W.T. kepada manusia perlu dijaga dan disuburkan menurut tasawur Islam.

### 5.3 CADANGAN MODEL PENULISAN TATABAHASA BAHASA MELAYU

Berdasarkan perbincangan dalam rajah 5.1, dicadangkan suatu model penulisan tatabahasa bahasa Melayu yang memasukkan unsur-unsur tatabahasa yang dikaitkan dengan wacana dan kesemuanya ini kemudiannya dirangkumi oleh "Teori' Atqakum.



Rajah: 5.1  
Model Cadangan Bagi Penulisan Buku Tatabahasa Bahasa Melayu

Perbincangan unsur tatabahasa boleh dimulakan daripada unsur termudah hingga kepada unsur yang terkompleks seperti dalam PBM (1). Urutannya bermula dari unsur fonologi kepada unsur morfologi dan selanjutnya kepada sintaksis. Antarmuka (*interface*) antara sub-bidang ini juga mesti disentuh seperti morfofonologi dan morfosintaksis. Secara keseluruhan kesemua unsur ini dirangkumi oleh unsur wacana. Matlamat akhir model ini adalah agar segala penghuraian ini sentiasa dikaitkan dan dirujuk kepada 'Teori' Atqakum.

Dalam usaha ke arah menghasilkan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang sesuai dengan bawaaan bangsa Melayu, 'teori' atqakum mesti diupayakan. Kajian ini mencadangkan agar 'teori' atqakum dijadikan paksi. Pelaksanaan 'teori' atqakum dalam penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu akan melengkapkan penghuraian aspek-aspek tatabahasa (fonologi, morfologi, sintaksis, dan wacana) mencapai matlamat pengupayaan 'teori' atqakum.

Pengupayaan 'teori' atqakum akan membuka lembaran baharu dalam era penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu pada alaf baharu ini. Penggunaan 'teori' atqakum akan menyentuh antarmuka (*interface*) antara sub-bidang seperti morfofonologi dan morfosintaksis. Penghuraian aspek-aspek tatabahasa ini akan sentiasa dikaitkan dengan 'teori' atqakum.

Pengupayaan penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu dengan menggunakan 'teori' atqakum tidak akan menolak konsep 'ilham'. Ilham merupakan anugerah Allah S.W.T. kepada manusia hanya untuk melaksanakan perkara yang baik dan yang hak. Usaha ke arah memartabatkan bahasa adalah termasuk dalam kerangka perkara-perkara yang baik dan yang hak.

Contoh: Golongan Kata Nama

Golongan KN dalam bahasa Melayu (dengan rujukan TBD) terbahagi kepada tiga, iaitu KN Am, KN Khas, dan Kata Ganti Nama. TBD perlu melakukan usaha penambahan subgolongan KN, iaitu subgolongan KATA NAMA KHALIQ.

Penulisan sesebuah buku tatabahasa perlu meneruskan ciri-ciri terbaik yang dimiliki pada penulisan buku-buku tatabahasa yang terdahulu dengan menggunakan 'teori' atqakum sebagai paksinya supaya memenuhi dan menepati kepadaan atqakum.

Rumusan daripada kajian ini ialah para pengkaji terkemudian akan dapat memperdalam dan memperluas skop kajian dalam bidang ini dengan hasrat untuk memartabatkan bahasa Melayu. Untuk mencapai matlamatnya penampilan atau 'personaliti' bahasa Melayu perlu diserasikan dengan bawaaan dan jati diri masyarakat Melayu khasnya, serta masyarakat global amnya. Kajian ini berpendapat bahawa untuk



merealisasikan hasrat ini, teori yang relevan digunakan ialah 'teori' atqakum.

Penulisan sesebuah buku tatabahasa perlu selaras supaya dapat melahirkan satu acuan yang sama. Dengan cara ini pengguna bahasa dapat menguasai ilmu tatabahasa yang mantap.

Berdasarkan tiga buah buku tatabahasa bahasa Melayu yang dikaji didapati bahawa setiap satunya ada kekuatan dan keistimewaan tersendiri berdasarkan bidang tatabahasa yang difokuskan. Dalam konteks mengupayakan penulisan buku tatabahasa pada alaf baharu, kajian ini berpendapat bahawa sudah tiba masanya ahli-ahli bahasa perlu menulis bentuk dan corak tatabahasa bahasa Melayu yang sesuai dan serasi dengan bawaan dan jati diri orang-orang Melayu. Hasrat murni ini akan mencapai matlamatnya jika mengupayakannya penulisan tatabahasa dengan menggunakan 'teori' atqakum. Ahli-ahli bahasa perlu mendalami dan memantapkan diri dengan 'teori' atqakum supaya penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu mencapai kepadaan atqakum.